

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

*Press Release
Kenyataan media*

FAKULTI EKONOMI DAN PERNIAGAAN, UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS) MELANCARKAN PROGRAM HARI TERBUKA, PESTA FEP 2023 & MINGGU ALUMNI DAN KERJAYA

Kota Samarahan, 7 Jun 2023: Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Malaysia Sarawak telah menganjurkan Hari Terbuka, Pesta FEP 2023 & Minggu Alumni dan Kerjaya yang telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Profesor Dr Wan Hashim bin Wan Ibrahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UNIMAS.



7 Jun 2023

UNIMAS Corporate
Chancellery Division
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel +60 82 51216
Fax +60 82 665088
(Fakulti Ekonomi & Perniagaan)

Sambutan Hari Terbuka bertujuan mengetengahkan hasil penyelidikan dan penulisan sebagai usaha berterusan akademia di peringkat fakulti dan universiti dengan kerjasama pemain industri utama, masyarakat setempat dan global. Antara hasil tujuan tersebut adalah untuk mengembangkan ilmu yang dipacu oleh inovasi demi membentuk masa depan yang lestari sesuai dengan visi dan misi UNIMAS.

Prof Dr. Wan Hashim menerusi ucapannya juga menyatakan bahawa pengembangan ilmu baharu hasil penyelidikan dan penulisan mempunyai potensi yang tinggi untuk menjadi perungkai kepada cabaran-cabaran rumit serta kompleks yang sering dihadapi oleh masyarakat setempat dan juga komuniti global sama ada perubahan iklim, pemanasan global, isu bekalan makanan, mempertahankan sumber air bersih, masalah ekonomi sejagat dan perkara-perkara yang lain.

Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa penyelidikan dan penulisan sememangnya akan memupuk budaya masyarakat berilmu, dan FEP yang diteraju dengan jayanya oleh Profesor Dr Rossazana Ab Rahim selaku Dekan, sentiasa memupuk budaya ingin tahu, berani untuk bertanya dan berfikiran kritis dalam kalangan ahli akademik dan juga anak muda yang menuntut ilmu di peringkat siswazah dan pasca-siswazah dalam pelbagai bidang.

FEP sememangnya menjadi salah satu kebanggaan UNIMAS kerana telah mengorak langkah sebagai sebuah fakulti yang memiliki kepakaran dalam penyelidikan di bidang ekonomi, perniagaan, pengurusan, kewangan dan perakaunan.

Dengan usaha pelajar dan staf FEP serta sokongan usahawan setempat, Hari Terbuka FEP turut diserikan dengan Pesta FEP 2023 yang menyediakan lebih dari 40 gerai yang menyediakan pelbagai aktiviti-aktiviti menarik, jualan juadah serta jualan yang berbagai jenis termasuk perkakas elektronik dan komputer. Sesi khidmat nasihat juga turut diadakan secara terbuka kepada para peserta.

Minggu Alumni dan Kerjaya juga disertakan dalam sambutan kali ini bagi membimbing dan memberi nasihat kepada bakal graduan serta masyarakat yang ingin meneruskan pengajian di FEP atau program pengajian di fakulti-fakulti lain di UNIMAS.

Pesta FEP dan Minggu Alumni dan Kerjaya dilaksanakan bermula 6 Jun 2023 sehingga penutupnya adalah pada 9 Jun 2023. Para pelajar dan masyarakat setempat adalah dialu-alukan untuk memeriahkan lagi Hari Terbuka FEP 2023 untuk mengeratkan ukhwah antara UNIMAS dan pihak komuniti.

U N I M A S